

07/12/1998

ASM pupuk budaya cemerlang sains

Rusnita Pechok

AKADEMI Sains Malaysia (ASM) dalam usaha memohon sebahagian peruntukan Skim Penumpuan Penyelidikan Dalam Bidang Keutamaan (IRPA) bagi kegunaan penyelidikan antarabangsa dan pendidikan dua hala.

Presidennya, Tan Sri Datuk Dr Omar Abdul Rahman, berkata akademi itu kini sedang menjalankan penyelidikan dua hala dengan beberapa negara tertentu dalam bidang terpilih.

Katanya, antara penyelidikan yang sedang dilakukan sekarang ialah mempromosi satu rancangan penyelidikan mengenai Antartik dengan New Zealand.

"ASM berharap kerajaan membiayai tujuan itu kerana setakat ini penyelidikan dua hala itu tidak begitu aktif. ASM juga memohon untuk menjadi penyelaras projek itu yang memerlukan sebahagian peruntukan IRPA," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri.

Selain itu, menurut Dr Omar, ASM juga sedang berusaha memupuk budaya cemerlang dalam sains, teknologi dan kejuruteraan sejajar dengan hasrat kerajaan menghasilkan lebih ramai saintis negara yang berinovasi.

ASM ditubuhkan pada 1994 dan dimasyhurkan setahun kemudian oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga fellow kehormat akademi itu.

Menurut Dr Omar, ketika penubuhan ASM, seramai 50 fellow pengasas dilantik daripada kalangan warganegara Malaysia yang unggul oleh sebab pencapaian mereka masing-masing dalam bidang sains, kejuruteraan atau teknologi yang dianggap cemerlang dan unggul luar biasa.

"Pencalonan dibuat berdasarkan bidang yang telah ditentukan iaitu perubatan; sains kejuruteraan; sains biologi; sains matematik dan fizikal; sains kimia; teknologi maklumat serta sains dan teknologi pembangunan dan industri," katanya.

Antara fungsi ASM ialah menggalakkan dan merangsang pembangunan sains, kejuruteraan dan teknologi; mengadakan forum untuk pertukaran pendapat di kalangan ahli sains, jurutera dan ahli teknologi; menggalakkan kesedaran negara, pemahaman dan penghargaan peranan sains, kejuruteraan dan teknologi dalam kemajuan manusia.

Selain itu ASM juga menggalakkan sikap berdikari serta daya reka cipta di kalangan saintis; bertindak sebagai forum mengekalkan kesedaran kerajaan mengenai peranan sains serta menganalisis masalah tertentu negara dan mengenai pasti kaedah sains yang boleh menyelesaikannya.

Menyentuh mengenai saranan Dr Mahathir supaya saintis tempatan mencipta teknologi dan inovasi kejuruteraan sendiri bagi mengurangkan kos teknologi import ketika majlis makan malam akademi itu baru-baru ini, beliau berkata:

"Memang tugas akademi sebagaimana ditafsirkan dalam akta untuk mengenal pasti aktiviti untuk membantu dalam penghasilan teknologi dan peningkatan teknologi serta industri di Malaysia.

"ASM akan membuat satu sistem untuk meningkatkan keupayaan teknologi yang sedia ada kini dan mungkin akan membuat saranan kepada kerajaan untuk menambah kemudahan prasarana atau menyediakan institusi baru untuk aktiviti berkaitan," katanya.

Dr Omar bagaimanapun, tidak menafikan prasarana yang sedia ada untuk penyelidikan di Malaysia ketika ini masih belum mencukupi untuk melayakkan saintis negara ini mendapat hadiah Nobel sebagaimana gesaan Dr Mahathir di majlis yang sama.

"Peluang saintis negara ini agak tipis untuk mendapat penghargaan sedemikian kerana ia memerlukan pencapaian yang amat asas serta miliki pengkhususan besar kepada pelbagai bidang sains.

"Pengiktirafan seperti itu hanya mampu dicapai bagi penyelidikan yang benar-benar tepat dan berpanjangan. Walaupun ada pemenang dari Jepun dan Taiwan, mereka belajar dan menyelidik di negara maju dengan kemudahan yang sedia ada," katanya.

(END)